

Utusan Online / Berita / Wilayah / Melaka /



Iklankan produk anda
3.5 juta pembaca U

Jualan arak 7-Eleven ikut komposisi kaum

PBT diarah buat kajian terperinci taburan penduduk

SUFFIAN ABU BAKAR | 30 Januari 2015 12:56 AM

 0  0  0  0

MELAKA 29 Jan. - Kerajaan negeri menetapkan penjualan minuman keras di semua kedai serbaneka 24 jam 7-Eleven di negeri ini akan dikaji mengikut komposisi kaum.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron berkata, bagi melaksanakan arahan itu, beliau mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk membuat kajian terperinci mengenai taburan penduduk mengikut kaum bagi membenarkan penjualan minuman keras di 76 kedai serbaneka 7-Eleven di negeri ini.

Katanya, langkah itu telah dipersetujui dalam mesyuarat Exco kerajaan negeri yang diadakan semalam apabila pihaknya mengadakan pertemuan dengan wakil 7-Eleven di negeri ini.

“Dalam pertemuan ini, saya menetapkan bahawa jika 90 peratus daripada kawasan 7-Eleven itu didiami oleh penduduk Melayu atau Islam, maka kerajaan negeri melarang penjualan sebarang jenis minuman keras termasuk arak dan bir.

“Namun jika kawasan itu dihuni oleh lebih 90 peratus bukan Islam sebagai contoh di Malim, maka tiada masalah untuk 7-Eleven menjual minuman keras kepada pembeli bukan Islam,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di pejabatnya di Seri Negeri, di sini semalam.

Idris dalam pada itu turut meminta supaya pemilik kedai 7-Eleven di negeri ini mendefinisikan istilah segala jenis minuman yang mengandungi alkohol sebagai minuman keras.

Ini kerana, katanya, ketika ini mereka hanya mendefinisikan arak sebagai minuman keras sedangkan bir juga dianggap sebagai minuman keras bagi umat Islam.

“Mana-mana minuman yang mengandungi alkohol yang diharamkan dalam Islam adalah dikira sebagai minuman keras,” katanya.

Beliau turut meminta supaya pemilik 7-Eleven agar menambah bilangan pekerja kaunter dalam kalangan bukan Islam untuk urusan jual beli minuman keras bagi Beliau turut meminta supaya pemilik 7-Eleven agar menambah bilangan pekerja kaunter dalam kalangan bukan Islam untuk urusan jual beli minuman keras bagi mengelak pekerja Islam terlibat dalam urusan jual beli berkenaan.

Idris pada sidang akhbar itu turut mengumumkan perjanjian usaha sama antara Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (Pertam) antara kerajaan negeri dengan lima pemaju di negeri ini melibatkan nilai pelaburan keseluruhan sebanyak RM337 juta.

Katanya, antara perjanjian yang ditandatangani adalah pembangunan tanah di mukim Bachang, Pulau Sebang, Balai Panjang dan Ayer Panas yang akan disiapkan dalam tempoh tiga tahun.

“Projek ini melibatkan pembinaan 2,503 unit bangunan komersial dan kediaman di atas tanah seluas 139 hektar dan Pertam akan mendapat pulangan sehingga 35 peratus iaitu RM45.5 juta untuk tempoh tiga tahun,” katanya.